

20/08/1998

Syor beli saham syarikat dikaji

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kajian menyeluruh diperlukan terhadap cadangan supaya kerajaan membeli saham syarikat bermasalah sebagai langkah menyokong Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Menurut Timbalan Perdana Menteri, kajian komprehensif itu akan mengambil kira syarat-syarat Danamodal Nasional Bhd (Danamodal), Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta) dan ekonomi negara secara keseluruhan.

"Kami sedang mengkajinya secara komprehensif," katanya selepas majlis penyerahan sumbangan kepada Dana Khas Negara (DKN), di Kementerian Kewangan, di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini mencadangkan kerajaan supaya membeli saham seperti yang dilakukan oleh kerajaan Hong Kong dan Taiwan.

Kepada soalan sama ada kerajaan akan menggunakan institusi tertentu, seperti Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) untuk menyokong BSKL, Anwar berkata, tindakan itu tidak perlu kerana Tabung Haji sudah melakukannya sebelum ini.

"Amat penting perkara ini diperjelaskan. Tabung Haji sebenarnya mempunyai panel pelaburan sendiri dan salah satu daripada garis panduan ialah untuk membenarkan mereka melabur dalam pasaran saham.

"Tetapi, sudah tentu Tabung Haji mempunyai kaunter tertentu yang tidak dibenarkan pelaburannya oleh Jawatankuasa Syariah mereka," katanya.

Bagaimanapun, katanya, institusi tertentu seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), sudah melakukan pelaburan itu dengan jumlah yang banyak.

Sehubungan itu, katanya, keyakinan institusi berkenaan untuk melabur tidak harus dihalang, terutama oleh sentimen sementara dalam pasaran.

Mengenai sama ada kerajaan akan memperuntukkan dana tambahan kepada institusi berkenaan, Anwar berkata terpulang kepada mereka untuk mengendalikannya.

Ditanya di peringkat mana kerajaan mahukan indeks komposit berada, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata: "Di tahap yang lebih tinggi."

Mengenai langkah kerajaan mengkaji kemungkinan mengenakan moratorium ke atas bank bagi mengelakkan mereka daripada menjual saham, beliau berkata: "Penyusunan semula struktur hutang korporat bukan untuk membenarkan bank atau syarikat mengambil tindakan terburu-buru meminta bayaran menampung kejatuhan harga atau jualan atau membawanya ke mahkamah."

Justeru, beliau berkata, Bank Negara kini pada peringkat akhir untuk berunding bagi permodalan semula bank melalui tabung Danamodal.

Menurutnya, Bank Negara juga sudah mengenal pasti beberapa bank tertentu yang memerlukan permodalan semula, tetapi ia tidak mudah dilaksanakan kerana membabitkan harga dan ketelitian.

Ditanya mengenai Danaharta, beliau berkata, perbincangan sedang dijalankan di antara bank dan syarikat tertentu dan pengumuman positif akan dibuat dalam tempoh beberapa hari lagi.

Beliau juga menjelaskan kerajaan akan mengumumkan 'langkah-langkah memeranjatkan' bagi memulihkan ekonomi negara seperti yang diumumkan oleh Dr Mahathir, apabila tiba masanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menyatakan tarikh tepat pengumuman itu, kecuali berkata: "Bila kerajaan bersedia mengumumkannya."

(END)